

Pendidikan Moral Tahun 3

Unit 5 : Hemah Tinggi

Tulis YA pada situasi yang menunjukkan contoh pertuturan dan perlakuan yang sopan terhadap warga sekolah dan TIDAK pada situasi yang sebaliknya.

Situasi	YA/TIDAK
1. "Apa khabar, Ali?" sapa Raju ketika berselisih dengan rakannya itu.	
2. "Hoi, Si Gemuk! Tolong belikan saya makanan," kata John.	
3. "Selamat pagi, cikgu. Boleh saya bantu cikgu bawa buku ini ke bilik guru?" kata Charlie.	
4. "Cepatlah! Kamu ni lembaplah," jerit Kamal kepada Lina.	
5. "Saya tidak suka Cikgu Rashid kerana dia sangat tegas," kata Aminah.	
6. "Maafkan saya kerana meninggikan suara kepada kamu tadi," kata Shanti kepada Muthu.	
7. "Siapkan kerja sekolah saya ini!" arah Bahar kepada Aron.	
8. "Maafkan, saya tidak sengaja," kata Mei Leng kepada Shila.	
9. "Sherine, boleh saya pinjam buku cerita awak?" tanya Azmi.	
10. "Saya tidak suka kamu kerana kamu tidak pandai," kata Gina kepada murid baharu itu.	